

18,258 mangsa di Pahang

KUANTAN 7 Jan. - Seramai 18,258 mangsa banjir daripada 4,953 keluarga masih ditempatkan di 89 pusat pemindahan sementara di enam daerah di negeri ini hari ini.

Jumlah itu menunjukkan sedikit peningkatan berbanding petang semalam iaitu 18,171 mangsa daripada 4,959 keluarga.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang berkata, Pekan masih mencatatkan jumlah mangsa tertinggi iaitu seramai 10,161 mangsa daripada 2,754 keluarga yang ditempatkan di 31 pusat pemindahan.